



KAWAN TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA TELEKUNG SITI KHADIJAH TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD (NO. SYARIKAT: 199601031120 (403472-D))
2.	Stesen Radio	SINAR
3.	Nama Peraduan	KAWAN TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA TELEKUNG SITI KHADIJAH
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Ini adalah peraduan atas talian untuk memenangi baucer tunai bernilai RM200 dari Telekung Siti Khadijah
5.	Mekanisme ringkas Peraduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Layari www.sinar.my dan daftarkan diri anda beserta soalan yang ingin diajukan kepada Imam Muda Asyraf 2. Soalan yang terpilih akan dijawab oleh Imam Muda Asyraf dan peserta akan memenangi baucer tunai bernilai RM200.00 dari Telekung Siti Khadijah 3. Seorang Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih dari satu (1) penyertaan, Bagaimanapun, seorang Peserta hanya boleh menang sekali dalam peraduan ini. Mana-mana kemenangan seterusnya akan diisytiharkan tidak sah secara automatik <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah. b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka. (b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.

8.	Umur Kelayakan	<p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.</p> <p>b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
9.	Caj	Tidak berkenaan
10.	Tempoh Peraduan	<p>25 April 2022 - 23 April 2023</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyanya.</p>
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Peserta harus melayari www.sinar.my , mengisi semua butiran yang diperlukan dan menyatakan soalan yang ingin diajukan kepada Imam Muda Asyraf
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 11.59 malam pada 21 April 2023.
14.	Cara Penghantaran	Melalui laman web Stesen Radio – www.sinar.my
15.	Alamat	All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Soalan yang paling kreatif, yang ditentukan oleh pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya.
17.	Hadiah	Baucer tunai Telekung Siti Khadijah bernilai RM200.00 untuk setiap pemenang
18.	Pemakluman Pemenang	Pemenang akan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur selepas Tempoh Peraduan melalui SMS atau panggilan telefon.
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam tempoh satu (1) bulan daripada pemakluman pihak Penganjur / Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Tidak berkenaan / Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta-Peserta bersetuju kepada Notis Privasi yang didapati di http://media2.fishtank.my/media/astroradio/assets/legal-privacy-terms/privacy-notice.pdf dan juga bersetuju kepada penerbitan data peribadi (nama, nombor telefon, alamat dan/atau nombor kad pengenalan mereka secara penuh atau sebahagian daripada yang sama (jika perlu)) di platform awam untuk tujuan pemakluman pemenang.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-</p>

		<p>apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:</p> <p>(a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut;</p> <p>(b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan</p> <p>(c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.</p> <p>Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan foto/video/cerita yang dimuatnaik oleh Peserta dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam foto/video/cerita tersebut. Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajiban) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan foto/video/cerita yang dimuatnaik oleh Peserta dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.</p> <p>Penyertaan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan akan ditapis oleh proses penapisan dalaman. Mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi peraturan akan hilang kelayakan. Peserta mestilah merupakan pemilik hak cipta foto/video/cerita yang dimuat naik oleh Peserta atau telah mendapat kebenaran daripada pemilik hak cipta untuk memuat naik foto/video/cerita tersebut. Peserta mesti mempunyai persetujuan ibu bapa atau penjaga untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun untuk muncul dalam foto/video dan bagi foto/video tersebut dimuat naik ke media sosial.</p>
--	--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.